

ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Hadhanah atau Penjagaan Kanak-Kanak

Seksyen 87. Kuasa Mahkamah membuat perintah mengenai penjagaan.

(1) Walau apa pun peruntukan seksyen 83, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang yang disebut dalam perintah itu atau, jika ada hal keadaan yang luar biasa yang menyebabkan tidak diinginkan bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang itu, Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuan-tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak.

(2) Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

(a) kemahuan-kemahuan ibu dan bapa kanak-kanak itu; dan

(b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur yang dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.

(3) Adalah menjadi suatu anggapan yang boleh dipatahkan bahawa adalah untuk kebaikan seseorang kanak-kanak semasa dia kecil supaya berada bersama ibunya, tetapi dalam memutuskan sama ada anggapan itu terpakai bagi fakta-fakta sesuatu kes tertentu, Mahkamah hendaklah memberikan perhatian kepada tidak baiknya mengganggu kehidupan seseorang kanak-kanak dengan bertukar-tukarnya penjagaan.

(4) Jika ada dua orang atau lebih kanak-kanak daripada sesuatu perkahwinan, Mahkamah tidaklah terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama tetapi hendaklah menimbangkan kebajikan tiap-tiap seorangnya secara berasingan.

(5) Mahkamah boleh, jika perlu, membuat perintah sementara untuk menempatkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang atau institusi atau persatuan dan perintah itu hendaklah serta-merta dikuatkuasakan dan terus dikuatkuasakan sehingga Mahkamah membuat perintah bagi jagaan itu.
